

## **KENYATAAN MEDIA** **22hb Ogos 2022**

### **Global Bersih menyeru Suruhanjaya Pilihan Raya untuk membuat perubahan segera kepada sistem pengundian luar negara untuk PRU15**

Global Bersih menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya membuat perubahan segera terhadap sistem pengundian di luar negara bagi memastikan jumlah pengundi Malaysia yang semakin meningkat di luar negara dapat mengundi dengan berkesan pada PRU 15.

Perubahan yang diminta termasuk:

- **Pemanjangan tempoh kempen kepada sekurang-kurangnya 21-25 hari**, bagi memberi masa yang mencukupi untuk kertas undi pos dihantar kepada pengundi luar negara dan dikembalikan ke pusat mengundi. Tempoh kempen untuk pilihan raya sebelum ini terlalu singkat untuk membolehkan pengundi luar negara menerima dan memulangkan kertas undi, dan memerlukan penggunaan perkhidmatan kurier yang mahal; dan
- **Menyediakan proses pendaftaran yang berterusan untuk pengundi luar negara** untuk mengelakkan pemprosesan tertunggak dan kelewatan. Pada masa ini, rakyat Malaysia di luar negara perlu mendaftar sebagai pemilih luar negara dalam tempoh yang sempit sebelum setiap pilihan raya, memberi tekanan kepada kakitangan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memproses permohonan dan pengundi untuk memohon dalam tempoh masa yang ketat.
- **Membenarkan bukan warganegara Malaysia menjadi saksi dokumen undi** dalam proses pengundian luar negara. Dokumen undi pos yang perlu ditandatangani dan disahkan oleh seorang warganegara Malaysia telah terbukti menjadi penghalang bagi rakyat Malaysia di luar negara yang tinggal di kawasan yang mempunyai sedikit atau tiada rakyat Malaysia yang lain. Sekiranya bukan warganegara Malaysia dibenarkan menjadi saksi, lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara berpeluang untuk mengambil bahagian dalam proses pengundian.

Menurut Nirmala Devi Windgatter, Setiausaha Agung Global Bersih, perubahan ini boleh dibuat sebelum PRU15, kerana perubahan ini adalah prosedur mudah di bawah runag lingkup Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang tidak memerlukan pindaan ketara kepada undang-undang sedia ada. Bagi memastikan proses pengundian pos di luar negara berjalan

dengan berkesan semasa PRU15, perubahan ini perlu dilaksanakan secepat mungkin oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan Kementerian berkaitan.

Global Bersih juga menekankan kepentingan jabatan kerajaan yang berkaitan menyebarkan maklumat mengenai proses pengundian di luar negara kepada rakyat Malaysia di luar negara secara aktif, dan menyeru Wisma Putra untuk menggunakan rangkaian misi luar negara untuk menyokong proses ini.

Global Bersih mengalu-alukan pelaksanaan beberapa cadangannya baru-baru ini yang berpotensi untuk meningkatkan jumlah pengundi luar negara dan memudahkan proses pengundian di luar negara. Ini termasuk: pendaftaran pengundi automatik dan pendaftaran dalam talian untuk pengundi luar negara; penurunan umur mengundi kepada 18 tahun; kemasukan rakyat Malaysia yang bermaustautin di Singapura, Thailand Selatan, Brunei, dan Kalimantan dalam sistem undi pos luar negara; dan pemansuhan syarat untuk warga Malaysia di luar negara berada di Malaysia selama 30 hari dalam tempoh lima tahun terakhir sebelum tarikh pendaftaran.

Global Bersih adalah pertubuhan bukan kerajaan(NGO) antarabangsa rakyat Malaysia di luar negara, yang diwujudkan untuk menyokong masyarakat sivil Malaysia dan mengukuhkan demokrasi Malaysia yang semakin matang, berfokuskan hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Nirmala Devi Windgaetter

Setiausaha Agung

nirmala.wind@globalbersih.org

00 49 172 238 9665

Global Bersih

15 Coeur des Bastion

CH-1205

Geneva, Switzerland

[www.globalbersih.org](http://www.globalbersih.org)

[facebook.com/GlobalBersih](https://facebook.com/GlobalBersih)

[twitter.com/GlobalBersih](https://twitter.com/GlobalBersih)

1. [https://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian\\_diaspora](https://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian_diaspora)

2. <https://bersih.org/2022/04/04/major-reform-needed-to-postal-voting-process-to-enfranchise-over-1-million-malaysians-living-overseas/>

3. Elections(Conduct of Elections) Regulations 1981, s3

